BERITA HARIAN, KHAMIS, 23 MAC, 1978

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Mahathir — sangkal Akta halang pelabur menanam modal

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan, Akta Penyelarasan Perindustrian dan ret tape di jabatan-jabatan berkenaan telah menghalang para pelabur tempatan menanam modal.

Beliau juga menjelaskan bahawa kelembaban pelaburan dalam masa dua tahun lalu kerana paras pelaburan seluruh dunia telah berkurangan akibat kegagalan ekonomi dunia pulih semula selepas krisis minyak dan inflasi yang berikut.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan demikian dalam jawapan bertulisnya kepada soalan Encik Fam Seong Teng (DAP-Sungai Besi) yang ingin tahu sebab-sebab kelembaban pelaburan tempatan dalam tempoh dua tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, secara am, boleh dikatakan bahawa pelaburan dalam masa dua tahun yang lalu telah lembab.

"Ini adalah kerana paras pelaburan seluruh dunia telah berkurangan kerana kegagalan ekonomi dunia pulih semula selepas krisis minyak dan inflasi yang berikut.

"Banyak negara-negara yang biasanya melabur di negara asing sedang menumpu perhatian kepada pelaburan di dalam negara masing-masing," tambah beliau.

Walaupun demikian, tegas beliau, dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain yang juga cuba menarik pelaburan, paras pelaburan di Malaysia tidak mengecewakan kita.

"Saya tidak setuju yang Akta Penyelarasan Perindustrian dan red tape di jabatan-jabatan berkenaan menghalang para pelabur tempatan menanam modal."

Menghalang

"Ini jelas terlihat daripada hakikat bahawa sungguhpun dalam tahun 1975 hanya 63 syarikat-syarikat yang sedia ada telah membuat rancangan pembesaran dan/atau mempelbagaikan pengeluaran, bilangannya telah bertambah kepada 103 dalam 1976 dan 150 dalam tahhun 1977.

Perkembangan ini menjelaskan yang para pelabur menunjukkan keyakinan terhadap kekukuhan ekonomi Malaysia.

Dato Seri Dr. Mahathir setuju bahawa tatacara yang ada sekarang dimana para-pelabur perlu menghubungi berbagai jabatan-jabatan kerajaan sebelum boleh memulakan projek-projek perindustrian mereka adalah tidak memuaskan dan mengambil masa yang lama.

Dengan hasrat untuk mengurangkan kelewatan ini saya telah mengarahkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan menubuhkan sebuah yunit pusat.

Unit ini yang akan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan yang tertibat dalam pembangunan perindustrian, dan akan bergerak tidak lama lagi, akan membolehkan pelabur menemui semua ejensi-ejensi kerajaan di satu tempat sekaligus."